

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Tarikh : _____ (Untuk diisi oleh Cawangan)

[Sila baca dan fahami Lembaran Maklumat Produk bersama-sama dengan terma dan syarat sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran Skim Ar-Rahnu.]

1. Apakah produk ini?

- a) Skim Ar-Rahnu Agrobank ialah skim pajak gadai Islam yang membolehkan barang kemas emas, syiling emas (gold coin) dan kepingan emas (gold wafer) digunapakai sebagai barang cagaran untuk pinjaman tunai. Pihak Bank akan menyimpan barang kemas emas, syiling emas dan kepingan emas yang di gadai sebagai cagaran dan mengenakan caj upah simpan untuk perkhidmatan penyimpanan. Pihak Bank menawarkan pinjaman berdasarkan nilai barang gadaian yang dinilai mengikut harga emas semasa. Jumlah pinjaman yang akan diberi adalah lebih rendah daripada nilai semasa barang kemas emas, syiling emas dan kepingan emas serta tertakluk kepada margin pinjaman (%) yang ditentukan oleh Bank. Tempoh penyimpanan barang gadaian dan upah penyimpanan akan ditentukan terlebih dahulu dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak (Bank dan pelanggan). Pinjaman yang ditawarkan oleh Bank hendaklah digunakan kepada aktiviti-aktiviti yang mematuhi syariah.

b) Ciri-ciri produk

| | |
|------------------------------------|---|
| Kriteria kelayakan | Individu berumur 18 tahun sehingga 70 tahun. Berstatus warganegara Malaysia. |
| Jenis-jenis barangan emas | Barang kemas gred: 999, 950, 916, 875, 835 dan 750 (Barangan kemas bertatahkan batu permata tidak diterima) Syiling emas (<i>gold coin</i>) Kepingan emas (<i>gold wafer</i>) |
| Margin pinjaman | Maksimum sehingga 75% daripada nilai pasaran semasa barangan emas. Nilai pasaran adalah berdasarkan kepada jenis emas yang digadaikan. |
| Tempoh gadaian dan Tempoh Lanjutan | Tempoh Gadaian: 6 bulan *Tempoh Lanjutan: Sehingga 6 bulan sekiranya pembayaran upah simpan telah dijelaskan sepenuhnya. *Tertakluk kepada perubahan |
| Pendedahan yang ditetapkan (%) | Bank akan membuat penilaian kembali ke atas harga barang gadaian berdasarkan kepada harga emas semasa. Sekiranya jumlah baki pinjaman melebihi dari jumlah pendedahan yang ditetapkan iaitu 90% dari nilai harga emas semasa pada masa lanjut tempoh tersebut, pelanggan dikehendaki membayar jumlah perbezaan di antara jumlah baki pinjaman dan jumlah pendedahan tersebut supaya baki pinjaman semasa pelanggan adalah tidak melebihi jumlah pendedahan yang ditetapkan. |
| Cara pembayaran | Penggadai boleh membayar pinjaman ini secara ansuran selama 6 bulan atau menebus semula barangan emas yang digadai secara sekaligus sebelum atau pada tarikh matang bersama-sama dengan upah simpan. |

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- a) Pinjaman (Qard)
Bank akan memberi pinjaman atas asas Kontrak Qard.
- b) Cagaran (Rahnu)
Sebagai jaminan, Bank memerlukan barangan emas untuk dijadikan sebagai cagaran.
- c) Simpanan (Wadiah Yad Dhamanah)
Barangan emas ini disimpan dengan bank dan dijamin keselamatannya oleh Bank
Konsep simpanan ini adalah berdasarkan kepada konsep Wadiah Yad Dhamanah (Guaranteed Custody).
Bank akan mengenakan caj tertentu sebagai upah simpan.

3. Apakah kelebihan Ar Rahnu Agrobank?

Satu cara mudah untuk memperolehi wang tunai dengan hanya menyediakan barang kemas emas untuk digadaikan di mana Bank akan mengenakan upah simpanan yang berpatutan bagi menyimpan barangan emas pelanggan.

4. Apakah tanggungjawab saya?

- a) Pelanggan hendaklah membuat pembayaran pinjaman dan upah simpan bulanan. Yuran tersebut perlu dibayar pada tarikh tamat tempoh, penebusan atau lanjutan tempoh kemudahan (yang mana berkaitan).

- b) Bagi tujuan Lanjut Tempoh, pelanggan dikehendaki membayar jumlah perbezaan di antara jumlah baki pinjaman dan jumlah pendedahan tersebut supaya baki pinjaman semasa pelanggan adalah tidak melebihi jumlah pendedahan yang ditetapkan.

5. Apakah caj dan yuran yang perlu dibayar?

- a) Pelanggan perlu membayar jumlah upah simpan bulanan bagi perkhidmatan simpanan barangan emas oleh Bank dan caj-caj yang berkaitan (sekiranya ada). Upah yang dikenakan adalah mengikut nilai semasa barang gadaian (marhun) ketika dicagarkan.

| Nilai Marhun | Upah Simpan Bagi Setiap RM100 |
|-----------------------|-------------------------------|
| RM100-RM2000 | RM0.50 |
| RM2001-RM5000 | RM0.60 |
| RM5001 Ke Atas | RM0.75 |

Bagi genap bulan/tahun untuk setiap gadaian berdasarkan kadar upah simpan secara bulanan adalah dikira mengikut point to point @ tarikh ulang bulan/tahun gadaian dibuat.

Contoh pengiraan upah

Contoh pengiraan upah

| | | |
|------------------------|---|--|
| Nilai Marhun | : | RM10,000.00 |
| Upah Simpan | : | RM0.75 |
| Tarikh gadaian sebenar | : | 10/10/2014 |
| Tarikh gadaian sebulan | : | 10/11/2014 |
| Tarikh matang | : | 10/04/2015 |
| Tempoh Pinjaman | : | 6 bulan |
| Jumlah Upah Simpan | : | $\frac{RM10,000.00 \times RM0.75 \times 6 \text{ Bulan}}{100}$ |
| | : | <u>RM450.00</u> |

Pelanggan diberikan pilihan untuk membayar upah simpan bagi lanjut tempoh samada:

- a) semasa hendak melanjutkan tempoh gadaian; atau
b) semasa kali pertama gadaian, dimana pembayaran boleh dibuat sekaligus.

Pengiraan upah simpan untuk lanjutan tempoh adalah berdasarkan kepada nilai marhun asal atau sepertimana yang ditetapkan oleh Bank. Bank berhak untuk memegang akaun simpanan pelanggan untuk pembayaran upah simpan.

6. Bagaimanakah sekiranya pelanggan gagal memenuhi tanggungjawab yang diperuntukkan?

Sekiranya pelanggan gagal membayar jumlah pinjaman dan upah simpan pada akhir tempoh, pihak Bank berhak untuk menjual barangan kemas yang telah dicagarkan bagi menjelaskan jumlah pinjaman berserta upah simpan yang dikenakan dan lain-lain bayaran yang berkaitan dengan penjualan tersebut.

7. Bagaimana jika pelanggan ingin membuat penebusan awal?

Upah simpan yang dikenakan adalah sehingga bulan di mana pelanggan ingin menyelesaikan awal pinjaman tersebut. Bagi penebusan gadaian melebihi tempoh matang, tempoh sehari yang dilalui melebihi tempoh genap bulan adalah dikira sebagai sebulan.

8. Adakah pelanggan perlu mengambil perlindungan Takaful?

Tidak.

9. Apakah risiko jika pelanggan gagal membuat pembayaran?

Pelanggan masih boleh menebus atau melanjutkan tempoh kemudahan selagi barangan emas masih belum dilelong oleh pihak Bank. Pihak Bank mempunyai hak untuk melong barangan emas yang digunakan sebagai cagaran bagi menyelesaikan jumlah pinjaman dan upah simpanan sekiranya pelanggan gagal membayar jumlah yang dikenakan pada tempoh matang atau tempoh-tempoh lanjut tempoh (yang mana berkaitan).

Sekiranya hasil daripada lelongan barangan emas pelanggan masih tidak mencukupi untuk menyelesaikan jumlah pinjaman dan upah simpanan pelanggan, Bank berhak menuntut supaya pelanggan menyelesaikan kekurangan tersebut.

10. Adakah pelanggan memerlukan jaminan atau cagaran?

Tiada penjamin diperlukan.

11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Sila maklumkan kepada pihak Bank tentang sebarang perubahan butiran peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat perhubungan anda, sila hubungi: **Tel :1-300-88-2476 Faks : 603-2691 7790 E-mel : customer@agrobank.com.my**

12. Di manakah pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut, bantuan atau membuat aduan?

Untuk membincangkan alternatif pembayaran balik, maklumat lanjut atau aduan mengenai produk atau perkhidmatan, sila hubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Agrobank, Leboh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur. Tel:1-300-88-2476 Faks:603-26922053 E-mel: customer@agrobank.com.my

Di samping itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang secara percuma bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Tel: 1-800-22-2575 E-mel: enquiry@akpk.org.my

Jika soalan anda atau aduan tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi **Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK** di:

Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1-300+88-5465 Faks: 603-21741515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

13. Adakah barang gadaian pelanggan dilindungi oleh Takaful sekiranya rosak atau hilang di dalam simpanan Bank?

Bank menyediakan kadar perlindungan takaful terhadap barang gadaian yang di simpan di dalam Bank. Bank akan memberikan gantirugi mengikut kadar yang sama dengan nilai gadaian yang asal sekiranya terdapat kerosakan/ kehilangan terhadap barang gadaian tersebut.

14. Lain-lain pakej pinjaman yang sama?

Tiada.

MAKLUMAT LAIN

- Maklumat yang disediakan untuk Lembaran Maklumat ini adalah sah pada tarikh notis.
- Pelanggan dinasihati untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon pembiayaan ini.
- Definisi barangan kemas di dalam risalah ini merujuk kepada barang kemas emas, syiling emas (gold coin) dan kepingan emas (gold wafer).

NOTA PENTING :

PIHAK BANK BERHAK MENOLAK ATAU MENARIK BALIK PERMOHONAN / PINJAMAN INI DAN BERHAK MELELONG BARANG GADAIAN JIKA PELANGGAN DIDAPATI GAGAL MENJELASKAN PINJAMAN INI BESERTA UPAH SIMPAN DAN LAIN-LAIN BAYARAN YANG BERKAITAN PENJUALAN TERSEBUT.

PIHAK BANK JUGA BOLEH MENDAKWA PENGGADAI JIKA BARANG GADAIAN ADALAH PALSU.

Penafian:

Terma-terma dan syarat-syarat di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Akuan Gadaian (SAG) , Perjanjian Pinjaman Ar-Rahnu dan Perjanjian Perkhidmatan Penyimpanan Ar-Rahnu selepas kelulusan.

MAKLUMAT LAIN

- Maklumat yang disediakan untuk Lembaran Maklumat ini adalah sah pada tarikh notis.
- Pelanggan dinasihati untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon pembiayaan ini.
- Definisi barangan kemas di dalam risalah ini merujuk kepada barang kemas emas, syiling emas (gold coin) dan kepingan emas (gold wafer).

NOTA PENTING :

PIHAK BANK BERHAK MENOLAK ATAU MENARIK BALIK PERMOHONAN / PINJAMAN INI DAN BERHAK MELELONG BARANG GADAIAN JIKA PELANGGAN DIDAPATI GAGAL MENJELASKAN PINJAMAN INI BESERTA UPAH SIMPAN DAN LAIN-LAIN BAYARAN YANG BERKAITAN PENJUALAN TERSEBUT.

PIHAK BANK JUGA BOLEH MENDAKWA PENGGADAI JIKA BARANG GADAIAN ADALAH PALSU.

Penafian:

Terma-terma dan syarat-syarat di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Akuan Gadaian (SAG) , Perjanjian Pinjaman Ar-Rahnu dan Perjanjian Perkhidmatan Penyimpanan Ar-Rahnu selepas kelulusan.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah berkuatkuasa pada 15 November 2013. Sila hubungi cawangan terdekat atau layari www.agrobank.com.my untuk maklumat lanjut.